

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]
TARIKH : 18.6.2014
SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan satu kajian dibuat berkenaan keperluan untuk mewujudkan sebuah kolej komuniti di Kinabatangan memandangkan terdapatnya keperluan dan permintaan. Tapak bagi tujuan pembinaan kolej komuniti ini adalah tersedia. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian bagi "1 Kolej Komuniti, 1 Parlimen".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Julai 2000 mempertimbangkan Memorandum daripada Menteri Pendidikan No. 398/2225/00 bertarikh 27 Jun 2000 bersetuju penubuhan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen dan menawarkan kursus-kursus yang ada kaitan dengan aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan tersebut.

Seterusnya, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 menimbangkan Memorandum daripada Menteri Pengajian Tinggi No. 519/2427/2004 dan bersetuju bahawa adalah tidak wajar kolej-kolej komuniti dibangunkan di setiap daerah atau kawasan Parlimen. Sebaliknya hendaklah berdasarkan kepada keperluan di sesebuah kawasan memandangkan terdapat kawasan yang tidak mempunyai ramai penduduk.

Bilangan Kolej Komuniti sejak dari awal penubuhannya pada tahun 2001 ialah 12 buah. Sejar dengan dasar tersebut, bilangan ini semakin meningkat setiap tahun dan sebanyak 82 buah kolej telah beroperasi sehingga tahun 2012. Seterusnya, pertambahan sebanyak 4 buah kolej pada tahun 2013 menjadikan jumlah keseluruhan 86 buah dan bilangan ini dijangka akan bertambah 4 buah kolej menjelang tahun 2014 menjadikan jumlah keseluruhan 90 buah Kolej Komuniti yang beroperasi di seluruh negara.

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu **Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Penampang dan Kolej Komuniti Kota Marudu.**

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Lahad Datu masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah di Parlimen Kinabatangan dan persekitarannya. Namun begitu, kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat serta akan berusaha untuk melihat keperluan berkenaan termasuk keupayaan kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 37

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering melanda Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Berapakah anggaran kos rancangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menyentuh mengenai isu banjir kilat di LTAB Pulau Pinang, perkara ini berlaku oleh kerana sistem perparitan yang sedia ada di lapangan terbang tersebut adalah direka cipta pada tahun 70an berasaskan keperluan pada masa itu. Disamping itu, terdapat sistem perparitan di sekitar kawasan lapangan terbang tersebut yang bertindak mengalirkan air dari luar ke dalam kawasan lapangan terbang menyebabkan banjir kerana kawasan lapangan terbang tersebut merupakan kawasan terendah di kawasan tersebut. Berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), diantara sebab-sebab berlaku kejadian banjir di lapangan terbang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Paras air yang terlalu tinggi di hilir sungai dan air pasang laut telah memberi kesan *back flow* kepada sistem perparitan di dalam kawasan lapangan terbang tersebut;
- (ii) Hanyutan sampah sarap yang dibawa dari kawasan sekitar perumahan yang mengalir masuk ke kawasan lapangan terbang telah menyebabkan laluan longkang tanah utama menjadi sempit dan mengganggu kelancaran air perparitan setelah air surut yang seterusnya terperangkap di kawasan-kawasan tertentu; dan
- (iii) Pembangunan yang pesat di sekitar kawasan lapangan terbang seperti pembangunan kawasan perumahan dan industri telah

menyebabkan banyak air larian yang mengalir ke kawasan sekitar sebelum ke sungai melalui kawasan lapangan terbang.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak MAHB sedang menaiktaraf sistem pam di lapangan terbang tersebut bagi membolehkan paras air di parit tanah utama sentiasa berada pada paras yang rendah. Melalui kaedah ini, kadar air larian daripada kawasan terminal akan lebih lancar malah akan berupaya menakung sementara kapasiti air larian dari terminal sebelum di pam keluar ke sungai. Dalam pada itu, adalah perlu pihak Kerajaan Negeri mengenal pasti lokasi yang strategik dan membina kolam takungan air yang berfungsi untuk memintas dan menakung air buat sementara sebelum disalurkan ke laut.